







مَجْلِسُ كُونْفَرْ كَبِشْنِ

MAJLIS KONVOKESYEN 2026
UNIVERSITI TEKNOLOGI BRUNEI





مجلس كونهن 2026
MAJLIS KONVOKESYEN 2026
UNIVERSITI TEKNOLOGI BRUNEI



MAJLIS KONVOKESYEN

UNIVERSITI TEKNOLOGI BRUNEI KALI KE-14 TAHUN 2026

MAKLUMAN KEPADA GRADUAN



MAJLIS KONVOKESYEN UNIVERSITI TEKNOLOGI BRUNEI 2026

Dengan hormat sukacita dimaklumkan bahawa **Majlis Konvokesyen Universiti Teknologi Brunei 2026** akan diadakan pada **hari Rabu, 13 Rabiulawal 1448 bersamaan 26 Ogos 2026** di **Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas**.

Majlis tersebut akan disempurnakan oleh **Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Teknologi Brunei**.


TARIKH-TARIKH BERKENAAN MAJLIS KONVOKESYEN UTB KALI KE-14, TAHUN 2026

ACARA	HARI/TARIKH	JAM HADIR	TEMPAT
Taklimat mengenai Acara Majlis Konvokesyen UTB 2026 melalui Webinar	Hari Khamis, 20 Ogos 2026	2.30 petang	Melalui <i>Microsoft Teams</i>
Raptai Pertama Majlis Konvokesyen UTB 2026	Hari Sabtu, 22 Ogos 2026	1:30 petang	Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas (ICC)
Raptai Kedua Majlis Konvokesyen UTB 2026	Hari Ahad, 23 Ogos 2026	8:30 Pagi	
Raptai Ketiga/Penuh Majlis Konvokesyen UTB 2026	Hari Isnin, 24 Ogos 2026	6. 15 Pagi	
Majlis Konvokesyen UTB 2026	Hari Rabu, 26 Ogos 2026	6.15 pagi	
Majlis Khatam Al-Quran Sempena Majlis Konvokesyen UTB 2026	Hari Isnin, 31 Ogos 2026	9:00 pagi	Masjid Jame'Asr Hassanil Bolkiah
Majlis Anugerah Cemerlang UTB 2026	Akan dimaklumkan	9.00 pagi	Dewan Plenary, ICC

- Para Graduan adalah dinasihatkan untuk memastikan **Akaun Microsoft Office 365** adalah **aktif** untuk membolehkan akses ke **Microsoft Teams** bagi **sesi taklimat**. Sila hubungi pihak **ICTC UTB** jika terdapat sebarang masalah mengenai akaun tersebut melalui emel: ictc.helpdesk@utb.edu.bn
- Para Graduan juga dikehendaki untuk sentiasa mengakses **Microsoft Team Site: UTB 14th Convocation 2026** untuk berhubung dengan Sekretariat, Jawatankuasa Kerja Majlis Konvokesyen UTB 2026.

KEHADIRAN GRADUAN DI MAJLIS KONVOKESYEN UTB 2026

- Graduan adalah dikehendaki untuk mengisikan **Borang Kehadiran** berserta **maklumat mengenai jemputan-jemputan Graduan** melalui borang yang dapat diakses melalui [pautan ini](#) atau mengimbas **kod QR** yang disertakan.
- Tarikh akhir bagi mengisikan borang tersebut ialah pada **22 Ogos 2026**.
- Para graduan diingatkan bahawa **PENDAFTARAN** di **Dewan Persidangan (Raptai Kedua)** dan **(Raptai Penuh)** akan **di TUTUP tepat jam 7.30 pagi**. Mana-mana graduan yang hadir selepas jam tersebut tidak akan diterima untuk mengikuti Majlis Konvokesyen berkenaan.



JEMPUTAN IBU BAPA / PENJAGA

- Jemputan ibu bapa atau ahli keluarga/penjaga adalah dihadkan kepada **tiga (3) orang sahaja** bagi setiap graduan.
- **Kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah** adalah **tidak dibenarkan** untuk hadir ke majlis ini.
- **Pintu masuk** bagi jemputan Ibu Bapa/Penjaga adalah melalui **Pintu 3 (tempat penurunan *Shuttle Bus*)**.
- Bagi Ibu Bapa/Penjaga yang menggunakan **kerusi roda** adalah dinasihatkan untuk datang sebelum jam 7:30 pagi dan masuk melalui pintu utama ICC. Tempat letak kereta disediakan di Petak C. Sila maklumkan kepada pihak Urusetia seawalnya.
- **Tarikh** dan **tempat** pengedaran **kad jemputan/pas masuk** bagi ibu bapa/penjaga akan dimaklumkan pada hari Raptai Pertama Majlis Konvokesyen UTB 2026.

CENDERAHATI UNTUK GRADUAN

- **Goodie Bag** akan diberikan untuk setiap graduan. Para graduan adalah diingatkan untuk mengambil *Goodie Bag* tersebut di **kaunter** berdekatan pintu utama Dewan Plenary sebaik saja tamat Majlis Konvokesyen 2026.
- **Belon dan hadiah** adalah tidak dibenarkan untuk dibawa masuk ke dalam Dewan Plenary sehingga selesai Keberangkatan balik Canselor dan Pro-Canselor, UTB.
- Tempat **penyimpanan Cenderahati** graduan ialah di **Dewan Perpaduan, ICC**.
- **Duit palsu** sebagai cenderahati adalah sama sekali ditegah.
- Di **Dewan Perpaduan** tersebut juga terdapat *vendor-vendor* yang menyediakan perkhidmatan Studio Fotografi dan Cenderahati berserta *merchandise* bagi para graduan.
- Vendor-vendor yang menjual makanan/minuman adalah ditempatkan di **Dewan Delima**.


KOD PAKAIAN GRADUAN

	GRADUAN LELAKI	GRADUAN PEREMPUAN
Raptai Pertama Majlis Konvokesyen	Para graduan hendaklah berpakaian kemas dan sopan semasa latihan raptai.	
Raptai Kedua Majlis Konvokesyen		
Raptai Ketiga/Penuh Majlis Konvokesyen Memakai Jubah masing-masing semasa latihan raptai penuh	(Ijazah Sarjana Muda/ Ijazah Sarjana / Ijazah Doktor Falsafah) 1. Baju MIB berwarna kelabu; 2. Blazer berwarna hitam /gelap; 3. Berseluar panjang berwarna hitam; 4. Bersongkok; 5. Hud (<i>hood</i>) berserta jubah; 6. Kasut hitam. (Selipar/sandal adalah <u>TIDAK DIBENARKAN</u>)	(Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / Ijazah Doktor Falsafah) 1. Baju Kurung; 2. Bertudong warna kelabu & memakai gandi; 3. Hud (<i>hood</i>) berserta jubah; 4. Kasut hitam. (Selipar/sandal adalah <u>TIDAK DIBENARKAN</u>).
Majlis Konvokesyen Memakai Jubah masing-masing semasa Majlis Konvokesyen		
Nota:	Dipohonkan kerjasama semua Graduan untuk mematuhi etika pakaian seperti yang ditetapkan untuk ikut-serta dalam Majlis Konvokesyen tersebut.	

- Sila akses pautan ini bagi [Garis Panduan dan Maklumat mengenai Pakaian Graduan dan Jubah Graduan](#)


PENGAMBILAN JUBAH

Tarikh: Jam: 9:00 Pagi – 4:15 Petang	Pengambilan jubah akademik akan dijadualkan mengikut Fakulti/Sekolah masing-masing mulai hari Khamis, 20 Ogos 2026 hingga hari Sabtu, 22 Ogos 2026 FAKULTI KEJURUTERAAN SEKOLAH PENGKOMPUTERAN DAN INFORMATIK SEKOLAH PERDAGANGAN UTB SEKOLAH SAINS GUNAAN DAN MATEMATIK SEKOLAH REKA BENTUK PUSAT PERHUBUNGAN, PENGAJARAN & PEMBELAJARAN
Tempat	Bilik Jubah (GA.24), UTB Sila buat pembayaran penuh di Bahagian Kewangan, Pejabat Bendahari (Tingkat 1, Blok Pentadbiran) UTB terlebih dahulu bagi yang membeli jubah. Setelah itu, bawa salinan resit pembayaran tersebut ke Bilik Jubah untuk pengesahan pembelian. Bagi penyewaan jubah, deposit adalah diperlukan dan akan dikembalikan dalam tempoh 5-7 hari bekerja selepas pemulangan jubah. Nota: PEMBATALAN BAGI PENYEWAAN ATAU PEMBELIAN JUBAH adalah tidak diterima dan wang deposit tidak akan dikembalikan.



- Sila akses pautan ini bagi [Garis Panduan dan Maklumat mengenai Pakaian Graduan dan Jubah Graduan](#)

PETA PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA, BERAKAS



MAKLUMAT LANJUT



Untuk maklumat lanjut, graduan bolehlah menghubungi pihak Urusetia Majlis Konvokesyen UTB 2026 melalui emel di bawah:-

Nama	Emel
Urusetia	convo.secretariat@staff.utb.edu.bn

Jawatankuasa Kerja Jubah Akademik

Emel
convocation.robe@utb.edu.bn

Jawatankuasa Kerja Jemputan dan Protokol

Emel
convo@utb.edu.bn

SETTINGGI-TINGGI TAHNIAH DAN SEMOGA MAJU JAYA!!

**Sila ikuti saluran rasmi UTB bagi
mendapatkan maklumat terkini mengenai
Majlis Konvokesyen UTB Kali Ke-14,
Tahun 2026**

TERIMA KASIH

Pautan ke [Microsoft Teams](#)